

Wilayah sisa plastik?

Penggunaan beg plastik membimbangkan, produk biodegradasi dikuatkuasakan

HIDAYAH MAJOM

KUALA LUMPUR

Sisa plastik yang dibuang menjadi satu ancaman besar jangka panjang buat alam sekitar dan tidak mustahil satu hari nanti, Wilayah Persekutuan sendiri akan 'hilang'

ditutupi 440 tan sisa plastik yang dibuang setiap hari.

Kebimbangan itu disuarakan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md Ikhsan, mengambil kira kesukaran untuk melupuskan sisa plastik yang memerlukan tempoh sehingga 500 tahun.

Adnan berkata, hasil statistik diperoleh dari Jabatan



ADNAN

Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Bioeconomy Corporation baru-baru ini memberi gambaran sisa plastik sebanyak 440 tan setiap hari boleh 'melenyapkan' sebuah bandar raya lebih 50 ke 200 tahun mendatang sekiranya tidak dibendung.

Oleh itu, kementerianya terpanggil dalam memperkenalkan inisiatif penggunaan produk biodegradasi, iaitu jenis pembungkusan yang lebih mesra alam bagi mengurangkan impak penggunaan beg plastik kepada alam sekitar.

Bahkan inisiatif tersebut telah digerakkan sejak Jun 2016 secara berperingkat dan bermula 1 September ini, penguatkuasaan akan dijalankan terhadap peniaga yang gagal menggunakan produk biodegradasi sebagai ganti plastik.

"Pelbagai inisiatif dibuat bagi menggalakkan penggunaan produk biodegradasi ini untuk menggantikan pembungkusan



Produk biodegradasi lebih mesra alam bagi mengurangkan impak penggunaan beg plastik kepada alam sekitar.

plastik di kaunter bayaran. Ia termasuk kempen, pameran, taklimat serta *engagement* bersama pihak berkepentingan.

"Kini setelah pelaksanaan sepenuhnya diwajibkan di semua premis bermula Jun tahun ini, fasa seterusnya adalah penguatkuasaan

an tindakan undang-undang memastikan kejayaan pelaksanaan penggunaan produk biodegradasi ini," katanya.



Pembuangan sisa sampah menggunakan plastik sebanyak 440 tan setiap hari di Kuala Lumpur.

Kurangkan kos pengurusan sisa plastik

Adnan berkata kos pengurusan sisa pepejal adalah tinggi kepada kerajaan di mana Capital Expenditures (CAPEX) untuk tapak pelupusan baharu menelan belanja lebih RM30 juta setahun manakala Operating Expenses (OPEX) untuk tapak pelupusan adalah RM28.80 hingga RM49 per tan.

Katanya setiap tahun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menggunakan secara puratanya sebanyak RM40 juta peruntukan dalam bagi membayar yuran pembuangan sampah (ENG: tipping) tapak pelupusan sampah Bukit Tagar.

"Penggunaan produk biodegradasi akan mengurangkan jumlah perbelanjaan bagi mengurus sisa pepejal, mengurangkan jumlah sisa pelupusan sampah dan menjimakan kawasan tapak pelupusan," katanya.

Peranan Yayasan Wilayah Persekutuan

Dalam memastikan peniaga tidak terbebani dengan kos mendapatkan bekalan produk biodegradasi, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan sentiasa memantau bekalan dengan menjual semula produk yang dibeli dari pembekal pada harga kos sahaja.

Ia ekoran dikhuatiri berlaku manipulasi terhadap harga



Contoh pembungkusan makanan yang menggunakan produk biodegradasi.

bekalan.

Bagaimanapun sehingga kini, terdapat 34 buah syarikat biodegradasi yang dibenarkan di Wilayah Persekutuan adalah produk *biodegradable* atau *compostable* dan perlu mematuhi syarat-syarat pensijilan yang ditetapkan SIRIM Berhad iaitu ECO-001:2016 dan ECO-009:2016," katanya.

Di bawah Undang-undang Kecil Perlesenan 1 Wilayah Persekutuan

DAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Notis bertulis telah dikeluarkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan kepada semua pemegang lesen/pemohon lesen di Wilayah Persekutuan bermula Disember 2016.



Notis larangan penggunaan plastik.

Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Perkhidmatan Teknikal Bahagian Pembangunan Strategik Kementerian itu, Dr Alias Ramelli membuktikan terdapat produk biodegradasi boleh dimakan.

Info Berkaitan Produk Biodegradasi

● Mudah kompos (atau mudahurai/hancur di dalam tanah);

● Mesra alam; dan menggunakan teknologi hijau seperti *oxo-biodegradable resin* atau sumber dari bahan yang boleh diperbaharui *recycle* seperti sumber dari tumbuhan seperti jagung, ubi kayu, tebu, kelapa sawit dan sebagainya.

● Terdapat produk biodegradasi boleh dimakan iaitu yang diperbuat daripada ubi kayu dan sekam padi

● Jenis produk biodegradasi yang dibenarkan di Wilayah Persekutuan adalah *biodegradable* atau *compostable* dan perlu mematuhi syarat-syarat pensijilan yang ditetapkan oleh SIRIM Berhad iaitu Eco-001:2016 dan Eco-009:2016.

Penguatkuasaan Penggunaan Produk Biodegradasi Di Wilayah Persekutuan

● Pelaksanaan 100% penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan adalah diwajibkan mulai 1 Jun 2017.

● Walau bagaimanapun, tarikh ini merupakan tempoh percubaan dan tindakan penguatkuasaan penuh akan bermula pada 1 September 2017.

● 3 undang-undang utama untuk digunakan sebagai alat penguatkuasaan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil melalui 5 cara:

- Pembatalan lesen,
- Penalti,
- Melucuthakkan deposit,
- Penyitaan, dan
- Penjara.

● 4 kategori/ jenis perniagaan yang berkaitan adalah menyeluruh seperti berikut:

- Penjaja,
- Pasar,
- Petempatan Makanan,
- Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

